JABATAN AKAUNTAN NEGARA
DITERIMA
16 JUN 2017
BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI
PEJABAT PERAKAUNAN

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
**BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN DAN PENGURUSAN**

Ruj Kami : ANM(S)81/725/3 Jld. 4 ( 22 ) Tarikh : 9 Jun 2017

| | | |
|---|---|---|
| **PERKARA** | **PENGESAHAN KELAYAKAN POTONGAN GAJI TIDAK MELEBIHI 60%** | |
| **DARIPADA** | **P BPPP** | **Salinan :**<br>**ANM**<br>**TAN (K)**<br>**TAN (O)**<br>**Fail Timbul** |
| **KEPADA** | **P BPOPP** **P BPTM**<br>**P BA MOF** **P BPAD**<br>**P BWTD** **P BPOPA**<br>**P PPPA** **P IPN**<br>**P BKP** | |

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan ANM/SPP/M/3/10 Jld.20 (44) bertarikh 1 Jun 2017 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana YBhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Kerajaan bersetuju untuk membuka sekatan bayaran potongan gaji penjawat awam maksimum 60% melalui sistem gaji berkomputer JANM bermula Jun 2017. Sekatan akan dilaksanakan ke atas potongan pinjaman peribadi/insurans/takaful baharu mulai gaji bulan Julai 2017.

3. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Pengurusan JANM Bil. 5 Tahun 2017 pada 25 Mei 2017 telah memutuskan, setiap **permohonan pinjaman yang baharu hendaklah melalui Seksyen Pengurusan Kewangan dan Perolehan (SPKP), Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)** untuk mendapat Pengesahan Kelayakan Potongan Gaji Baharu Tidak Melebihi 60% **dengan menggunakan borang seperti di Lampiran I.**

4. Pelaksanaan ini juga turut dipanjangkan kepada warga JANM yang berada di JANM Negeri dan Cawangan bahawa kelayakan potongan gaji tidak melebihi maksimum 60% perlu disahkan oleh SPKP, BPPP.

*Excellent Accounting @ Your Service*

5. Mohon kerjasama dan jasa baik YBhg. Dato'/Tuan/Puan untuk memaklumkan kepada semua pegawai di bawah seliaan termasuk JANM Negeri dan Cawangan berhubung perkara ini.

Sekian, terima kasih.

***"Inovasi dan Integriti Pemangkin Merealisasikan Perakaunan Akruan"***

**[ JAFRIL BIN JUNIT C.A. (M) ]**
☎: 03-8882 1028
💻: jafril.junit@anm.gov.my

LAMPIRAN I

# BORANG KELULUSAN PERMOHONAN PINJAMAN BAGI PEGAWAI DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

| **1. MAKLUMAT PERIBADI** | | | |
|---|---|---|---|
| **NAMA** | | | |
| **NO. KAD PENGENALAN** | | **NO.GAJI** | |
| **JABATAN/BAHAGIAN** | | **TARIKH BERSARA WAJIB/PILIHAN** | |

**2. MAKLUMAT PINJAMAN**

1.JUMLAH PINJAMAN YANG DIPOHON (RM) :
2.ANSURAN BULANAN (RM) :
3.TEMPOH PINJAMAN :
4.NAMA BANK ATAU INSTITUSI KEWANGAN :
5.KAEDAH BAYARAN BALIK MELALUI : **ANGKASA** ☐ **BANK** ☐ **KOPERASI** ☐
6.TUJUAN PINJAMAN :

**3. MAKLUMAT PENDAPATAN DAN POTONGAN GAJI** ( Salinan Penyata Gaji Disertakan)

| A. GAJI : | B. ELAUN : | C. PENDAPATAN KASAR (RM)( A+ B ) : | |
|---|---|---|---|
| POTONGAN : | | | |
| D. **Bayaran Balik Hutang Kerajaan**<br>1) Rumah<br>2) Kenderaan<br>3) Pinjaman Komputer<br>4) Cukai Pendapatan<br>5) KWSP<br>6) PTPTN<br>7) Kuarters<br>8) Pinjaman Pelajaran JPA<br>9) Lain-lain | RM | E. **Lain-Lain Potongan (Persendirian)**<br>1) Simpanan<br>Cth: Tabung Haji/ASB/ASN<br>2) Bayaran Balik Pinjaman (Peribadi)<br>- Sedia ada<br>- Baharu<br>3) Zakat<br>4) Lain-lain | RM |
| F. **JUMLAH KESELURUHAN POTONGAN BULANAN** | | F = RM (D+E) | |
| G. **PERATUSAN KESELURUHAN POTONGAN BULANAN (%)** | | G = (F/C x100) | |

**4.PENGESAHAN KELAYAKAN POTONGAN GAJI BAHARU TIDAK MELEBIHI 60%** *(Untuk tindakan SPKP, BPPP)*

LAYAK : ☐ TIDAK LAYAK : ☐

**TANDATANGAN** : ..........................................................
**NAMA** : ..........................................................
**JAWATAN** : ..........................................................
**TARIKH** : ..........................................................

*Nota : Jumlah potongan hendaklah **tidak melebihi 60%** daripada pendapatan kasar*

PERAKUAN :
Adalah disahkan bahawa baki pendapatan bersih yang dibawa pulang seperti di atas adalah BENAR dan **tindakan tatatertib boleh diambil terhadap saya** sekiranya pernyataan saya seperti di atas didapati TIDAK BENAR. Saya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang masalah yang mungkin timbul daripada pinjaman yang saya ambil.

TANDATANGAN PEMOHON:

.........................................

Nama :
Tarikh :

Diluluskan / Tidak Diluluskan:

.........................................
(KETUA JABATAN)

Nama :
Tarikh :